

Tugu Peringatan Di Sudut Sejarah Negeri Sembilan

Oleh:

SENDUK EMAS

TUGU PERINGATAN DI SUDUT SEJARAH NEGERI SEMBILAN

Oleh: SENDUK EMAS

Penulis-penulis yang terbilang pun telah terpesona atas kelucuan dan keindahan bahasa berirama yang membalut pantun-pantun Melayu lama. Misalnya, Datuk bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang manakala menulis hikayat “Sejarah Melayu” hampir 400 tahun dahulu tidak ragu-ragu mencatatkan beberapa rangkap pantun yang menarik lagi berkesan serta memberi makna-makna mendalam. Dua daripadanya ialah seperti berikut:

Dang Nila memangku puan
Berembang buah pelada
Adakah gila bagimu tuan
Burung terbang dipipiskan lada

Kota Pahang dimakan api
Antara jati dengan Bentan
Bukan ku larang kamu berlaki
Bukan begitu perjanjian.

Munshi Abdullah dalam hikayat “Kisah Pelayaran Abdullah” yang ditulisnya dekat 200 tahun dahulu juga mencatatkan beberapa rangkap pantun yang amat menarik dan tepat untuk dijadikan nyanyian pelipur lara bagi halwa telinga yang dahaga, tambahan pula jika seseorang itu berada di dalam keadaan kesepian dan sebagainya. Dua contoh adalah berbunyi begini:

Orang mengail di lubuk bulang
Apa umpannya? Kulit duku
Orang bermain kekasih orang
Nyawa bergantung di hujung kuku.

Pinjam saya pisau raut
Hendak meraut bingkai tudung
Gila apakah ikan di laut
Melihat umpan di kaki payung.

Pendita Agung Za'ba juga meminati pantun oleh kerana dalam buku prosanya "Persuratan Melayu 1" terbitan tahun 1960 itu beliau telah memetik serangkap pantun pilihan sebagai melengkapkan kata-katanya dalam pendahuluan buku tersebut. Tujuannya berbuat demikian ialah untuk merendahkan dirinya atas gaya bahasa yang dipakai dalam buku itu yang mungkin ia sudah lapuk dan basi dari anggapan pujangga-pujangga muda sekarang. Namun begitu beliau berharap persembahan gaya bahasanya tidak pula diketepikan dengan senang sahaja bahkan ia diterima sewajarnya seperti termaksud dalam serangkap pantun ibarat di bawah ini;

Tikar pucuk tikar mengkuang
Tempat menyembah Raja Melayu
Ikan busuk jangan dibuang
Buat perencah si daun kayu.

Sementara Dr. Hamka pula tidak ketinggalan merakamkan dua rangkap pantun dari lagu Serantih yang menjadi kesukaan orang Minangkabau menyanyi dalam novelnya "Tenggelamnya Kapal Van der ijck" terbitan tahun 1961 seperti disalinkan di bawah ini:

Bukit Putus, Rimba Keluang
Direndang jagung dihangusi
Hukum putus badan terbuang
Terkenang kampung ku tangisi.
Batang kapas nan rimbun daun
Urat terentang masuk padi
Jika lepas laut ke tahun
Merantai panjang hanya lagi.

Yang demikian peranan pantun adalah berdiri sebagai tanda-tanda yang nyata bahawa pantun itu sudah pun menjadi suatu bahagian seni yang memupuk kesusasteraan Melayu. Malahan pantun yang bersimpulan bahasa indah dan berisi inti-inti anak biasanya mencolek sudut sanubari orang Melayu, maka seni ini telah mendapat tempat istimewa dalam lubuk hati bangsa Melayu. Dengan hal begitu perkembangan seni pantun tidak dapat ditahan-tahan dan menyerap di segenap lapisan masyarakat khususnya di kampung-kampung yang penuh dengan keindahan alam.

Seandainya pantun boleh dikarang atau direka dengan sekejap masa sahaja oleh peminat-peminatnya tanpa menggunakan pena dan kertas, dan ini semua membuktikan kepintaran otak orang Melayu dalam cara pemikiran. Orang Melayu memang bijak menzahirkan perasaan batin ataupun mood peribadinya menerusi pintu hatinya iaitu dengan menyusun seni-seni kata yang bermutu dan murni. Yang demikian sudah tentu bahawa pantun ‘budi’ dan pantun ‘berkasih sayang’ menjadi sarapan ramai dan banyak yang menghafalnya untuk digunakan pada masa dan saat yang diperlukan.

Seperti yang diketahui pantun itu bukan sahaja dikarang atau direka untuk menggambarkan pemikiran dalam berbagai aspek atau situasi yakni bersabit dari perasaan hiba, sayu, duka, suka, terhutang budi, rindu, bergelora dengan asmara, geram, marah, berjenaka, menyindir, bergurau dan sebagainya, bahkan sebilangan pantun menjadi terkenal dan masyhur sehingga hari ini kerana semuanya itu dikarang khas untuk merakamkan atau mengingatkan sesuatu peristiwa atau kejadian yang bersejarah.

Berikut dicatatkan beberapa rangkap pantun yang ada hubungannya dengan tempat- tempat terkemuka atau peristiwa luar biasa, lucu dan istimewa dalam persejarahan Alam Melayu:

Telor itik dari Singgora
Pandan terletak dilangkahi
Darahnya titik di Singapura
Badannya terlantar di Lamgkawi.

Pantun di atas ini dipetik dari “Sejarah Melayu” karangan Datuk Bendahara Seri Paduka Tun Seri Lanang yang menceritakan bagaimana Paduka Seri Maharaja, Raja Singapura telah murka terhadap Tun Jana Khatib dan terus menghukum supaya beliau dibunuh atas kesalahan berpandang muka dengan Raja Perempuan yang berada di tingkap istana pada masa Tun Jana Khatib berjalan lalu dekat istana.

Tun Jana Khatib ini sakti pula orangnya dan beliau telah menunjukkan kesaktiannya dengan menilik pokok pinang yang berhampiran dengan istana itu sehingga pokok tersebut terbelah dua.

Perbuatan Tun Jana Khatib ini tidak sekali-kali diperkenankan oleh Paduka Seri Maharaja. Seharusnya Tun Jana Khatib pun ditangkap dan dibunuh oleh pertanda. Maka darah Tun Jana Khatib pun menitik ke bumi tetapi badannya pula telah ghaib dan dikatakan telah tercampak ke Langkawi, Kedah. Dengan kejadian ini maka dipantunkan orang akan nasib Tun Jana Khatib seperti yang terdapat dalam “Sejarah Melayu” itu.

Pisang kelat-kelat hutan
Pisang tembatu bergetah-getah
Kota Piliang dia bukan
Badi Chiniago dia entah.

Ini ialah serangkap pantun adat dari Alam Minangkabau. Menurut Teremba Minangkabau bahawa negeri itu dahulu dibahagikan kepada dua pemerintahan atau kelurahan. Pertama, laras Kota Piliang di bawah tadbiran Datuk ketemenggongan dan keduanya, laras Badi Chiniago di bawah Datuk Perpatih Nan Sebatang. Tetapi kawasan Periang, Padang Panjang iaitu daerah yang tersepit di antara Luhak Agam dengan Luhak Tanah Datar tidaklah masuk ke dalam tadbiran Datuk yang berdua itu, bahkan ia menganut laras yang berasingan, yakni Laras Nan Panjang. Jadinya dipantunkan orang akan perdirian puak-puak yang ada di Periang itu seperti pantun di atas tadi.

Dari mana asal pelita
Dari tanglung nan berapi
Dari mana nenek moyang kita
Dari lereng Gunung Merapi.

Akan ke hilir ke Inderagiri
Semalaman di Padang Panjang
Dari mana mulai adat berdiri
Di Kuak Batu, Perianggan Padang Panjang.

Kedua-dua pantun ini juga datangnya dari Alam Minangkabau. Yang pertama itu jelas menunjukkan tempat asal bagi kediaman nenek moyang orang Minangkabau iaitu di tepian atau tanah rata di sekeliling Gunung Merapi yang masih ada tersergam pada masa ini. Begitu juga pantun yang kedua menunjukkan tempat asal tumbuhnya adat yang dianut oleh orang Minangkabau hingga sekarang ini. Dengan mengingat dua rangkap pantun ini maka dengan senang orang Minangkabau terkenang pada lembaran sejarah nusantaranya.

Langit berkelikir
Bumi bertemberang
Hendaklah berfikir
Negeri dah dikelilingi orang.

Pantun ini muncul pada penghujung tahun 1875 di Negeri Sembilan di mana waktu itu orang-orang dalam Daerah Kuala Pilah iaitu Luak Ulu Muar (Seri Menanti), Luak Jempol, Luak Terachi dan Luak Gunung Pasir telah terlibat dalam satu peperangan dengan Inggeris yang sudah bertapak di Luak Sungai Ujung (Seremban) semenjak tahun 1874 lagi.

Inggeris menyebelahi Luak Sungai Ujung dalam peperangan saudara itu dan menyerang empat luak tersebut kemudiannya sebagai hendak memperluaskan sayap pentadbirannya. Dalam peperangan ini Inggeris telah menggunakan tentera sebanyak dua divisyen mengandungi lebih dari 500 orang askar yang terlatih serta dilengkapi dengan alat senjata moden seperti meriam besar dan roket.

Pertempuran di Bukit Putus pada bulan Disember tahun 1875 itu amatlah sengit kerana kedua pihak menerima kemalangan teruk. Sayugia dinyatakan bahawa Bukit Putus adalah terletak di sempadan Luak Terachi dengan Luak Sungai Ujung dan ia adalah merupakan pintu masuk ke Daerah Kuala Pilah.

Di lereng-lereng Bukit Putus itulah orang-orang Melayu dari empat Luak tersebut membuat kubu-kubu pertahanan bagi menentang kemaraan angkatan tentera Inggeris di bawah arahan Archibald Anson, Lt. Gabenor Pulau Pinang yang dihantar khas ke Sungai Ujung untuk mengawasi semua operasinya.

Akhirnya pihak Inggeris yang berpengalaman luas berperang secara besar-besaran itu pun dapat menembusi pertahanan kubu-kubu Melayu. Maka angkatan Melayu dari empat Luak berkenaan telah menjadi lemah, sementelah Ketua Agungnya iaitu Yang Dipertuan Besar Tuanku Antah sendiri telah melarikan diri dan patahlah semangat Melayu.

Dalam keadaan begini maka Penghulu-penghulu Undang dari empat Luak yang menjadi pemimpin angkatan Melayu pun terpaksa berfikir sama ada hendak berjuang habis-habisan seperti pepatah “Menang jadi abu, kalah jadi arang”. Jadi timbullah pantun di atas untuk menjadi panduan. Akhirnya kerana takut negeri menjadi padang jarak, padang tekukur maka angkatan Melayu pun terpaksa mengundurkan diri dan Inggeris pun berjaya mencengkam empat Luak tersebut dan memerintahinya dengan dasar kuku besinya sebagai membalas dendam.

Sungai Pahang dituba ikan
Tuan Gabenor Cecil Clementi
Besarnya ikan bernama Tembelian
Tuan manikan terjatuh lagi.

Pantun ini dikarang khas oleh Sir Cecil Clementi, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu yang datang ke Pekan untuk meraikan Hari Keputeraan D. Y. M. M. Sultan Pahang dalam tahun tiga puluhan. Memanglah teradat dan menjadi satu upacara besar pada tiap-tiap kali Hari Keputeraan baginda Sultan Pahang mengadakan Temasya Menuba Ikan dalam Sungai Pahang.

Pada hari yang berkenaan berpikul-pikul tuba dicurahkan ke dalam Sungai Pahang dan kemudiannya berpuluh-puluh buah pula perahu dan sampan dinaiki oleh pembesar-pembesar dan para peserta berlumba-lumba berdayung ke sana ke sini bagi mencari dan menikam ikan-ikan yang sedang mabuk oleh tuba itu dengan serampang-serampang yang dibawahanya.

Temasya ini memang menjadi suatu sukan air yang paling meriah dan mengkagumkan. Riuh rendah dan bergemuruh bunyi sorakan dan jeritan para peserta yang berjaya menikam mana-mana ikan yang timbul dan melintas mereka. Ikan pilihan ialah ikan Tembelian. Sir Cecil Clementi turut mengiring Sultan dalam temasya ini dan beliau adalah seorang daripada ahli sukan yang gigih mencari ikan yang terkilat di air kerana kemabukan.

Akhirnya ternampak oleh beliau seekor Tembelian yang besar menyisir di tepi perahunya dan dengan tidak berlengah-lengah lagi beliau pun menghunuskan serampangnya ke arah ikan Tembelian yang menyisir sekilat itu. Malangnya percubaan itu sangatlah tergesa-gesa dan cemas sehingga perahu yang dinaikinya terolak-alik di air seakan hendak terbalik. Beliau bernasib baik kerana topinya sahaja yang jatuh terpelanting ke air.

Maka peristiwa ini telah menjadi suatu keseronokan atau kelucuan kepada para peserta yang menyaksikannya dan menjadi buah mulut pula temasya itu. Seterusnya dipantunkan orang atas kejadian yang sungguh lucu itu untuk dijadikan suatu kenangan manis pada masa-masa akan datang seperti tercipta dalam pantun di atas tadi.

Sir William Jervola mengambil alih jawatan Gabenor dari Sir Andrew Clarke dalam bulan Mei 1875. Gabenor baru itu tidak puas hati terhadap kemajuan yang diperolehi di Perak dan menyalahkan Sultan Abdullah kerana tidak memberi kerjasama yang penuh kepada pihak pentadbiran kelolaan J.W.W. Birch. Ini dikatakan menjejaskan kehendak-kehendak yang termaktub dalam Perjanjian Pangkor.

Sementara itu pula pembesar-pembesar Perak cemburu kejujuran Inggeris kerana kuasa Sultan mereka semakin lama semakin luput dan dikhuatiri Sultan yang disanjung itu akan menjadi boneka akhirnya. Perasaan tidak puas hati itu mula menyala di sanubari mereka dan kemarahan menjadi semakin meluap apabila ada berita tersebar menyatakan J.W.W. Birch terlibat dengan perhubungan asmara dengan gadis dari Luak Datuk Maharaja Lela, Orang Besar Perak yang tinggal di Pasir Salak. Perbuatan J.W.W. Birch itu dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai mencemarkan kesopanan adat istiadat Melayu.

Kegagalan Triti Pangkor telah mencemaskan Sir William Jervois dan beliau terpaksa bertindak tegas bagi melaksanakan matlamat Kerajaan Inggeris. Akhirnya beliau dapat menyusun suatu peraturan atau sistem baru, yakni jawatan “Residen” itu dihapuskan dan digantikan dengan jawatan “Pesuruhjaya Baginda Queen”. Ini bermakna, segala perintah atau kerja yang diistiharkan oleh Pesuruhjaya Baginda Queen tersebut atas nama baginda Sultan.

Dengan demikian untuk menjalankan maksud baru itu maka pemasyhuran secara iklan disediakan bagi sebaran am dan dihantar ke kampung-kampung. Sultan Abdullah terpaksa bersetuju atas peraturan baru itu, kalau tidak baginda akan diturunkan dari takhta Kerajaan Perak dan digantikan tempatnya oleh Raja Yusof, anakanda saudara baginda sendiri. Inilah cara atau taktik penjajah Inggeris mengugut dan menewaskan lawannya.

Tuan J.W.W. Birch dan rombongannya pergi ke Pasir Salak dengan menaiki kapal- kapal pada 1.11.1875 itu ialah untuk menyebarkan pemasyhuran baru tersebut dan beliau sedia berunding dengan Datuk Maharaja Lela atas perkara itu. Datuk Maharaja Lela Orang Besar Perak yang bermastautin di Kampung Pasir Salak amatlah berpengaruh dan mempunyai ramai pengikut seperti Datuk Sagor yang tinggal di Kampung Pulau Tiga, Pandak Indut iaitu bapa mertuanya, Si Bunga dan lain-lain lagi.

Menurut sumber dari tulisan A. Talib Haji Ahmad seperti terkandung dalam bukunya “DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK” terbitan tahun 1961 bahawa pembunuhan dan mempunyai ramai pengikut seperti Datuk Sagor yang tinggal di Kampung Pulau Tiga, Pandak Indut iaitu bapa mertuanya, Si Bunga dan lain-lain lagi.

Menurut sumber dari tulisan A. Talib Haji Ahmad seperti terkandung dalam bukunya “DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK” terbitan tahun 1961 bahawa pembunuhan J.W.W. Birch pada subuh-subuh 2.11.1875 itu adalah dilakukan oleh Si Bunga yang mengamuk itu. Habis semua ahli rombongan itu dibunuhnya melainkan Mat Saman, jurubahasa dan pengintip J.W.W. Birch itu yang sempat terjun ke air dan menyorok di buritan kapal.

Jika dinyatakan dalam buku tersebut iaitu sebelum kejadian pembunuhan itu berlaku, Datuk Maharaja Lela sendiri telah menerima sepucuk warkah dari Sultan Abdullah yang menitahkan beliau membunuh J.W.W. Birch dan ahli rombongannya sekali apabila mereka sampai ke Pasir Salak kelak.

Tetapi kononnya Datuk Maharaja Lela tidak percaya dengan warkah itu datangnyanya dari Sultan sungguhpun cop mohor baginda ada termateri di atasnya. Sebaliknya Si Bunga menerima kebenaran isi warkah itu dan sebab itulah beliau bertindak sendirian pada subuh-subuh yang bersejarah itu.

Bagaimanapun kemudiannya, Mat Saman telaj melaporkan kepada pihak Inggeris apa sebenarnya yang berlaku di atas kapal itu, tetapi pihak Inggeris mengambil kesempatan pula bagi memutar belitkan keterangan yang diberi oleh Mat Saman itu dengan sendakyahnya kepada orang ramai bahawa pembunuhan itu adalah dilakukan atas perintah Sultan Abdullah dan yang melakukannya ialah Datuk Maharaja Lela. Turut juga namanya terbabit dalam pembunuhan itu ialah Sultan Ismail di Kuala Kangsar itu.

Ini semua adalah fitnah yang bermaksud mengelirukan pemikiran rakyat supaya bersikap benci dan derhaka kepada Sultan dan pembesar sekalian. Pembunuhan J.W.W. Birch itu sangat-sangat memeranjatkan pihak Inggeris dan mereka tidak teragak-agak mengambil tindak balas dengan menyerang Pasir Salak pada 7.11.1875 itu. Pertempuran di situ memanglah hebat, tetapi serangan itu dapat dipatahkan oleh Datuk Maharaja Lela dan orang-orangnya.

Inggeris tidak berdiam diri dan ingin menunjukkan kekuatannya untuk menghancurkan musuh-musuhnya, dan mereka terpaksa membawa bantuan dari India dan China. Jadinya pada 16.11.1875 dua pasukan tentera yang lengkap dengan senjata-senjata moden telah tiba di Perak di bawah ketua masing-masing iaitu Major General Colborne dan Brigadier General Ross.

Angkatan tentera Inggeris itu sukar untuk ditentang maka Datuk Maharaja Lela dan pengikut-pengikutnya terpaksa mengundurkan diri ke Belanja dan bergabung dengan pasukan Sultan Ismail. Mereka terus di buru dan akhirnya mereka sampai di Kuala Ketil, Kedah. Sultan Ismail telah menyerah diri pada 13.3.1876 dan baginda kemudiannya di bawa ke Johor untuk bersemayam di sana di bawah perlindungan Maharaja Johor yang pada masa itu sangat-sangat disegani oleh Queen Victoria.

Tetapi Datuk maharaja Lela dapat melarikan diri ke Ulu Perak iaitu Kuala Piah. Namun begitu akhirnya pada 17.7.1876 Datuk Maharaja Lela menyerah diri jua kepada Inggeris menerusi wakil Maharaja Johor yang datang khas ke Perak. Sultan Abdullah dan pengikut-pengikutnya bertahan di Teluk Mak Intan (Teluk Anson) dan cuba menewaskan tentera Inggeris yang datang menyerang itu, tetapi oleh kerana banyak nyawa telah terkorban maka baginda pun sanggup meletakkan senjata dan menyerahkan Negeri Perak semula di bawah pentadbiran Inggeris.

Setelah tamat peperangan itu memakan masa lebih kurang setahun maka Sultan Abdullah, Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor dan lain-lainya itu pun ditangkap untuk dibicarakan atas pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak dahulu. Pembicaraan ke atas Datuk Maharaja lela, Datuk Sagor, Pandak Indut dan lain-lainnya itu ditetapkan pada bulan Disember tahun 1876 di Mahkamah Matang, Taiping. Keputusannya ialah Datuk maharaja Lela, Datuk Sagor dan Pandak Indut dihukum gantung sampai mati dan yang lain-lainnya itu dipenjarakan seumur hidup.

Datuk Maharaja Lela, datuk Sagor dan Pandak Indut pun menghembuskan nafas terakhir pada 20.1.1877 di tali gantung dalam penjara Taiping. Orang yang sangat dibenci dan dikutuk oleh penjajah Inggeris di Perak pada masa itu ialah Datuk Maharaja Lela sehingga makamnya pun tidak diketahui ramai dan dirahsiakan. Kononnya pula makam itu diikat dengan batu besi supaya badannya tidak dapat bangun dan mengacau Inggeris lagi.

Tindakan keras Inggeris itu amatlah berkesan sekali kerana gelaran Datuk Maharaja Lela itu pun tidak mahu dihidupkan kembali dan sampailah sekarang, gelaran tersebut masih tenggelam. Pepatah Melayu ada berkata, "Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama". Dengan berpandukan kepada kejadian itu ke atas Datuk maharaja Lela maka sudah pasti beliau meninggalkan namanya kepada masyarakat.

Sehingga hari ini namanya masih disebut orang. Riwayat Negeri Perak itu tidak lengkap ditulis selagi nama Datuk maharaja Lela tidak dicatatkan. Berbalik kepada keadaan Sultan Abdullah yang ditangkap dahulu maka nasib baginda amatlah berlainan sekali kerana baginda telah dibawa ke Singapura untuk dibicarakan. Kemudiannya pula dikatakan Mahkamah Singapura tidak layak membicarakan baginda dan seterusnya baginda dihukum buang negeri dan Inggeris pun memindahkan baginda beserta keluarga baginda ke Pulau Sychelles.

Yang boleh dibanggakan dalam pembicaraan di Madras itu ialah pembelaan yang dibuat oleh Raja Chulan, anakanda baginda sendiri. Sungguhpun pada mulanya Sultan Abdullah didakwa 14 tuduhan, tetapi oleh kerana kepintaran dan kepetahan Raja Chulan berhujah maka baginda telah terlepas dari 10 tuduhan.

Kejayaan Raja Chulan kononnya mengkagumkan para peguam yang ada di mahkamah itu, tambahan pula yang memeranjatkan mereka benar-benar ialah apabila diketahui Raja Chulan itu bukan seorang peguambela yang berijazah dari England. Nama Raja Chulan memang terkenal di tanah air kemudiannya kerana beliau telah muncul sebagai seorang anak Perak yang bijaksana dan dihormati ramai. Atas jasa-jasanya kepada negeri, beliau dianugerahkan “Sir” oleh Kerajaan Inggeris. Apabila sampai gilirannya beliau pun dilantik menjadi Raja di Hilir Perak.

Macam mana pun peperangan atau pemberontakan di Perak pada tahun 1875/76 itu telah membuktikan keberanian anak-anak Melayu bangun berjuang kerana kedaulatan negerinya. Seterusnya timbullah pahlawan-pahlawan Melayu atau pejuang-pejuang bangsa selain dari Datuk Maharaja lela seperti Datuk Sagor, Datuk Laksamana, Datuk Shahbandar, Datuk Menteri Larut, Datuk panglima Kinta, Datuk panglima Bukit Gantang, Datuk Temenggong dan lain-lain lagi, termasuk beberapa wanita. Mereka ini semua wajar jua mendapat sanjungan dan pengiktirafan.

Bagi bangsa British, pembinaan tugu peringatan adalah membuktikan suatu tanda kenangan dan kehormatan kepada warga negara yang telah rela menitiskan darah dan mengorbankan nyawa dalam perjuangan kebangsaannya. Inilah adat rasmi bangsa tersebut yang sentiasa sahaja dipakainya di mana-mana negeri yang dijajahnya setelah menang berperang.

Ini juga menjejaskan keperibadian bangsa British itu sendiri, yakni mereka itu tidak alpa menyanjungi dan memuja-muji para warganegara yang telah menyumbangkan perkhidmatan cemerlang ataupun yang telah gugur terkorban dalam peperangan. Kehormatan dan pengiktirafan tinggi begitu rupa yang diberikan oleh Kerajaan British kepada berkenaan tataplah memberi penuh perangsang dan semangat kepada yang lain untuk lebih bergiat menyumbangkan tenaga dengan taat setia yang tidak berbelah bagi dan seterusnya rela mempertarungkan nyawa dan raga semata-mata bagi faedah bangsa dan negaranya atau empayarnya.

Apabila tamat peperangan atau lebih tepat lagi pemberontakan di Negeri Perak pada penghujung tahun 1876 itu maka pihak British yang menguasai Kerajaan Negeri Perak itu pun membina sebuah tugu peringatan yang letaknya jauh terpencil iaitu di tepi tebing sungai Perak dalam Kampung Pasir Salak, Hilir Perak untuk memperingati J.W.W. Birch yang mati terbunuh di situ pada 2.11.1875 seperti dihuraikan dalam Bahagian I rencana ini. Sebuah lagi tugu yang lebih besar dan indah juga dibina di Changkat Residen, Kuala Kangsar untuk memperingati pula semua nyawa warganegaranya yang terkorban dalam pemberontakan 1875/1876 itu.

Kemalangan yang menimpa kaum British di Negeri Sembilan dalam peperangan pada penghujung tahun 1875 itu juga telah diperingati dengan pembinaan sebuah tugu peringatan di Seremban (Luak Sungai Ujung) iaitu sebagai menyanjung dan memuji-muji para ahli tenteranya yang gugur dibunuh oleh angkatan Melayu dari Luak-luak Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir di bawah ketuaan Yang Dipertuan Besar Raja Antah. Kata-kata yang tercatat di atas badan tugu tersebut tertulis begini:

“ERECTED BY THEIR COMRADES IN MEMORY OF THOSE WHO LOST THEIR LIVES ON ACTIVE SERVICE AGAINST THE MALAYS IN SUNGAI UJUNG 1875 – 1876”

Lagi sebuah tugu peringatan dibina oleh British terletak jauh ke dalam hutan dan terlindung dari pandangan ramai, di Bukit Putus, sempadan di antara Luak Sungai Ujung dengan Luak Terachi. Tugu di atas bukit ini tidaklah serupa dengan reka bentuk tugu yang tersergam di Pasir Salah atau pun di Seremban itu, bahkan ia berupa sebuah ceper (plaque) yang berikut dengan konkrit simen menengadah ke langit. Di atasnya tercatat empat nama askar British yang terkorban di situ iaitu F. OWEN, J. BALL, J. Newman dan H. Smith. Mereka ini adalah sebilangan dari angkatan perang British dari pasukan 1st. Batl. H.M.S. 10th Foot.

Di Bukit Putuslah wujudnya medan peperangan yang merupakan suatu tempat pertempuran hebat di antara angkatan British dari Luak Sungai Ujung (Seremban) dengan angkatan Melayu dari Luak-Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir di bawah Ketuan Yang Dipertuan Besar Raja Antah. Pertempuran ini terkenal dalam sejarah tempatan dengan sebutan “Perang bukit Putus”.

Pernah pemberita, En. Eric Peris menulis suatu rencana sejarah berkaitan dengan Perang Bukit Putus itu dalam Sunday Mail terbitan 12.10.1975. Dia juga telah menyiarkan beberapa gambar kedudukan kubu-kubu Melayu di situ, termasuk juga ceper atau plak (plaque) peringatan yang disebutkan tadi.

Kekuatan tentera British dalam perang Bukit Putus itu telah berjaya menembusi pertahanan angkatan Melayu dari empat luak tersebut. Akhirnya pada 22.12.1875 Bukit Putus dapat ditawan oleh British. Seterusnya angkatan British turun menyerang dan menawan ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir yang menerima nasib malang seperti Negeri Perak juga.

Walaupun pemberontakan di Perak yang bermula pada 2.11.1875 dengan pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak itu memanglah memberi kesan dan libatan secara langsung kepada peperangan di Negeri Sembilan yang juga bermula pada awal Disember tahun 1875 itu. Ini ialah kerana kedua-dua negeri Melayu tersebut dicerobohi oleh suatu kuasa penjajah yang sama, British. British mempunyai matlamat yang sama terhadap keduanya untuk ditakluki dan memperkuasai sepenuhnya setelah menumpaskan kuasa-kuasa pemerintahan dan pembesar yang masih ada.

Pemberontakan di Negeri Perak itu telah menjadi sengit dan tenat pada penghujung November tahun 1875 itu, sementara peperangan di Negeri Sembilan mula meletus pada awal Disember tahun 1875 itu jua. Jadinya British terpaksa menghadapi dua masalah besar yang timbul serentak berlainan tempat dan berjauhan pula. Oleh kerana itu mereka memerlukan tenaga dan kekuatan berperang yang lebih. Keadaan yang mencemas itu membuatkan British kelam-kabut dan bertambah marah kerana memikirkan yang mana satu lebih penting untuk diatasi dan dari mana pula hendak mendapatkan bantuan tentera tambahan bagi menghancurkan penentangan Melayu yang hebat. Ini mengancam penjajahan mereka.

Seperti yang telah dihuraikan dalam Bahagian I rencana ini dahulu, British terpaksa membawa dua pasukan tentera tambahan dari India dan China ke Negeri Perak di bawah Kelolaan major General Colborne dan Brigadier General Ross. Akhirnya British berjaya memadamkan pemberontakan tersebut setelah berperang lebih kurang setahun dan seterusnya berkuasa memerintah dan menghukum Sultan Abdullah, Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor dan lain-lainnya yang dianggap sebagai musuh British.

Tetapi di Negeri Sembilan corak peperangan itu tidaklah serupa dengan Negeri Perak kerana keadaan yang terdapat di Negeri Sembilan itu sangatlah berlainan sekali. Ini bukan sahaja kerana ada pergolakan siasah atau persengketaan di antara pemerintah-pemerintah Luak sesama sendiri yang berlarutan berkaitan dengan pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bahkan oleh sebab adanya pula percabulan kuasa adat dan hak asasi oleh seorang pemerintah Luak yang tertentu.

Sebagai yang diketahui Negeri Sembilan adalah negeri yang tidak memakai Sultan, tetapi hanya diberi gelaran Yang Dipertuan Besar yakni Raja Alam dan baginda ini dilantik atas dasar “Kata Muafakat” atau “Kebulatan dan Kerapatan” yang dicapai oleh pemerintah-pemerintah Luak sekalian menurut adat lembaga yang di ucap dan dipakai di Alam Minangkabau, iaitu Adat Perpatih. Tetapi Yang Dipertuan Besar itu sendiri menganut Adat Temenggongan dan baginda pula sebagai Raja Alam tidak mempunyai negeri atau kuasa mencukai kerajat. Bahawa baginda itu wujud tidak lain dan tidak bukan ialah sebagai suatu lembaga keadilan dan Ketua Agung yang mendapat taraf kedudukan yang tertinggi sekali dalam negeri seperti diberi definisi adat begini:

Tumbuhnya kerana ditanam

Tingginya kerana dijunjung

Besarnya kerana dipelihara.

Tegasnya, kuasa pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar itu adalah terletak di tangan pemerintah-pemerintah luak yang dikenali dengan panggilan “Penghulu Berundang” atau “Penghulu Undang”. Kadang kalanya mereka ini dipanggil “Penghulu Luak” atau pun “Undang Luak” atau juga “Datuk Undang” oleh anak-anak buah mereka.

Dengan adanya keadaan yang rumit lagi kompleks ini maka British sangatlah berhati-hati mengatur gerak langkah diplomasinya yang terkenal dengan dasar “Diadulagakan dan Diperintahi” (Divide and Rule Policy) supaya tidak tersasul ataupun tercebur kemudiannya dalam peperangan yang sia-sia. Tambahan pula British boleh meneka cara perpaduan masyarakat Melayu yang berketurunan orang Minangkabau kerana mereka itu berpengalaman dan pernah berkuasa di Minangkabau pada jangka masa tahun 1781 sampai tahun 1819.

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi segala selok belok sejarah peperangan tahun 1875 itu, terutamanya di atas pendirian pemerintah Luak yang berbilang itu dan sebab-sebabnya pergolakan siasah atau persengketaan dalam kuasa adat timbul sebelum British menceburkan diri ke dalam arena politik Negeri Sembilan maka wajarlah

seseorang itu memahami latar belakang negeri itu sendiri. Setelah itu barulah dia layak mengadakan segala kecurangan yang berlaku sebelum peperangan dan juga segala kejejasan yang berlaku selepasnya sehingga berlanjutan ke hari lalu.

Nama “NEGERI SEMBILAN” itu sendiri memnbayangkan ada angka 9 dirangkaikan dengannya dan ini bermakna bahawa negeri itu dahulu berasal dari percantuman atau pergabungan 9 luak atau Negeri Kecil untuk mewujudkan sebuah alam atau negara yang dikenali dengan rasmi hingga sekarang ini sebagai “NEGERI SEMBILAN”. Kejadian ini berlaku pada tahun 1770.

Menurut sejarahnya. Orang Minangkabau dari tiga Luhak dalam Alam Miangkabau seperti Luhak Agam, Luhak Tanah Datar dan Luhak Limapuluh Kota telah keluar menjelajah beramai-ramai dan berperingkat-peringkat lebih kurang bermula pada kurun yang kelima belas, atau pun setengah mengatakan lebih awal lagi.

Mereka telah menyeberang Selat Melaka dan kemudiannya meyusul mudik ke hulu Sungai Muar, Sungai Melaka dari Sungai linggi serta cawangan-cawangannya untuk mencari kawasan-kawasan yang sesuai diteroka dan dijadikan negeri. Akhirnya mereka itu berjaya memilih kawasan-kawasan yang terletak di utara Negeri Melaka itu.

Orang Minangkabau tersebut bukan sahaja membawa kaum keluarganya bersama, bahkan mereka membawa adat yang dianutnya iaitu Adat Perpatih atau Kelarasan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Oleh kerana mereka itu datangnya berpuak-puak dari segenap desa di Alam Minangkabau maka setiap puak itu pula dikenali dengan sukunya. Misalnya, jika suatu puak itu datangnya dari Desa Paya Kumbuh, maka puak itu akan dikenali sebagai Suku Paya Kumbuh, dan begitulah seterusnya. Tiap-tiap suku itu pula mempunyai seorang kepala atau pemimpin yang dilantik, dan dia itu dipanggil Datuk Lembaga dan diberi pusaka kebesaran berserta gelaran oleh Suku berkenaan. Buapak-buapak adalah para pembantu Datuk lembaga dan mereka itu adalah juga dilantik oleh anak-anak buah Suku itu. Dengan demikian bertaburanlah Suku-suku itu hidup bermasyarakat dalam luak-luak atau negeri-negeri kecil yang diterokai itu. Kesemuanya

ada 12 Suku dalam Negeri Sembilan, tetapi luak-luak yang teramai sekali sukunya ialah Luak Rembau dan Luak Ulu Muar, dan ini adalah bersebab dari kesuburan tanah dalam Luak-luak tersebut.

Selanjutnya tiap-tiap kawasan atau wilayah yang diterokai dan dijadikan negeri itu adalah Negeri Kecil yang digelar Luak mengikut aturan di Minangkabau. Ia diperintahi oleh seorang pemerintah yang dikenali sebagai Penghulu Berundang (seperti yang telah dijelaskan naskhah yang lalu) iaitu sejajar dan setimbang dengan adat perlembagaan yang dipakai di Alam Minangkabau juga.

Dia itu berkuasa penuh dalam Luaknya dan mengeluarkan keputusan-keputusan yang berkuatkuasa seperti undang-undang jua menepati hakikat yang terkandung dalam pantun adat ini:

“Mencampak-campak ke hulu
Dapatlah seekor ikan badar belang
Apakah cupak dek Penghulu
Mempermainkan Undang-undang”

Atau pun peranan Penghulu Ber undang itu dijelaskan dalam perbilangan ini sebagai penyelaras undang-undang:

“Raja se Keadilan
Penghulu se Undang
Tua se Lembaga
Buapak se Adat
Tempat semenda se Syahadat
Orang semenda se Resam”

Sesungguhnya, seorang Pemerintah Luak itu amatlah besar dan luas kuasa dan hak asasinya. Menurut asas adat yang dibawa dari Minangkabau itu bahawa dia itulah Raja dalam Luaknya seperti perbilangan adat:

“Kuasanya sampai ke pasir semiang
Sampai ke cendawan nan sekaki
Sampai ke kayu nan sebatang
Sampai ke rumput nan sehelai
Ke atas sampai ke embun jantan
Ke bawah sampai ke pasir bulan”

Namun begitu pemilihan dan perlantikan Raja Alam, Pemerintah Luak, Ketua Suku dan pembantunya adalah berasaskan suara teramai seperti perbilangan adatnya:

“Bulat anak buah menjadikan Buapak (Pembantu Lembaga)
Bulat Buapak menjadikan Lembaga (Ketua Suku)
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu (Pemerintah Luak)
Bulat Penghulu menjadikan keadilan (Yang Dipertuan)”

Adalah dikatakan, orang Minangkabau itu suka merantau oleh kerana semangat perantauanya bersemadi dan berkobar-kobar disanubarinya dan ini bolehlah dibuat kesimpulan atau dua faktor. Pertamanya, merantau untuk mencari ilmu pengetahuan supaya menjadi matang apabila kembali ke tanah ibunda kelak seperti dipantunkan dalam adat:

“Ke rantau ladang di hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau dagang dahulu
Di kampung brguna belum”

Keduanya, merantau untuk meneroka luak-luak dan mendapatkan kekayaan bagi di bawa ke tanah ibunda kemudiannya, dan oleh itu luak-luak yang dijadikan negeri di utara negeri Melaka adalah dianggap sebagai sebuah “Rantau” kepada Alam Minangkabau.

Sebelum tahun 1770 Luak-luak itu tidaklah bergabung atau bersatu bahkan tiap-tiap satunya tertakluk kepada Kerajaan Sultan Johor dan Pemerintah Luaknya juga mendapat Cop mohor kebesaran daripada baginda. Yang demikian sungguhpun luak-luak itu berhubung dengan Johor, tetapi sebaliknya mempunyai pertalian dengan Alam Minangkabau seperti disebutkan dalam perbilangn adat:

“Beraja ke Johor
Bertuan ke Minangkabau”

Pada asalnya ada 11 luak semuanya yang diteroka oleh pendatang dari Minangkabau itu seperti nama-namanya yang berikut:

1. Naning
2. Sungai Ujung
3. Johol
4. Ulu Muar (Seri Menanti)
5. Rembau
6. Inas
7. Jempol
8. Gemenchah
9. Gunung Pasir
10. Terachi
11. Jelebu

Oleh kerana Negeri Melaka tergugat oleh kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, Belanda dan British semenjak tahun 1511 maka Naning telah turut terpengaruh dan terikat hingga terpisah dan bercantum dengan Negeri Melaka akhirnya.

Jelebu yang duduk terpencil di sempadan Negeri Pahang itu juga membawa nasibnya bersendirian, tetapi tuahnya lebih kerana lebih kurang dalam tahun 1760 ia telah diberi kemerdekaan oleh Sultan Johor, dan wujudlah ia bergajah tunggal, yakni ia tidak tertakluk kepada mana-mana kuasa bahkan beban dalam segala seginya sehingga ia juga mempunyai Yang Dipertuannya sendiri pada tahun 1820. Jadinya, tinggal 9 luak sahaja dari nama senarai di atas yang masih tertakluk ke Johor pada penghujung kurun ke – 18.

Sementara itu, Johor tidak juga sunyi dari menghadapi pergolakan siasatnya sendiri kerana berbagai angkara telah mengancam negeri itu semenjak Sultan Mahmud II mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama pada tahun 1966 sehingga pupus waris kerabat diraja yang berketurunan Raja Melayu Melaka itu.

Yang paling menjejaskan sekali pentadbiran Johor ialah kejayaan anak-anak raja Bugis dapat membolot kuasa sejak mereka sampai pada tahun 1719. Pembesar-pembesar Melayu tidak dapat berbuat apa-apa. Kebanyakan jawatan penting dipegang oleh Bugis. Maka timbullah permusuhan di antara masyarakat Melayu dengan kaum Bugis, dan ada pula khabar angin yang kencang mengatakan bahawa kaum Bugis itu hendak membinasakan orang-orang Melayu di Riau.

Yang demikian bukan orang Melayu di sekitar Johor sahaja yang berasa tajut dan benci kepada kaum Bugis itu, bahkan orang-orang Melayu yang duduk di kawasan-kawasan jauh seperti di Luak-luak Minangkabau di utara Negeri Melaka itu pun berasa bimbang atas perkembangan kuasa Bugis.

Atas keadaan ini maka berlakulah pemberonrakan secara senyap-senyap pada tahun 1770 di mana pemerintah-pemerintah Luak atau Penghulu-penghulu Berundang dari 9 Luak Minangkabau di utara Negeri Melaka itu telah mendapat kata sepakat atas

dasar kerapatan dan kebulatan menubuhkan kerajaan sendiri mengikut model kerajaan Alam Minangkabau. Maka sepakat ini adalah merupakan suatu persetiaan yang dibuat di sebuah kampung bernama Pulau Jelevu (bukan Luak Jelevu) di dalam Luak Ulu Muar. Persetiaan Pulau Jelevu itu adalah memasyhurkan 4 keputusan besar iaitu:

- (a) Menubuhkan sebuah Alam atau Kerajaan sendiri dengan menggabungkan 9 luak mereka atas nama Negeri Sembilan.
- (b) Menjemput seorang anak raja Pagar Ruyong dari Alam Minangkabau untuk memerintah Alam baru itu dengan memakai gelaran Yang Dipertuan Besar, dan juga tiap-tiap Yang Dipertuan Besar yang mangkat itu hendaklah dijemput gantinya dari Alam Minangkabau jua
- (c) Pemeliharaan Yang Dipertuan Besar itu bertanggung ke atas empat Penghulu Pelantik dan
- (d) Pemilihan dan Penghulu Pelantik ialah pemerintah Luak atau Penghulu Ber Undang yang terkanan sekali yakni Undang yang empat seperti;
 - i. Undang Luak Sungai Ujung
 - ii. Undang Luak Rembau
 - iii. Undang Luak Johol
 - iv. Undang Luak Ulu Muar

Penubuhan Penghulu Pelantik atau Undang yang Empat ini adalah mengikut susunan adat Alam Minangkabau seperti Jemaah Datuk Empat Balai atau Basa Nanempat Balai badan yang berkuasa memilih dan melantik Yang Dipertuan Minangkabau itu.

Yang demikian nama empat Undang tersebut sebenarnya Udnang Yang Empat tulen. Bagaimana pun menurut adat yang diucap dan dipakai maka Undang Yang Empat itu hendaklah mendapat kebulatan dan kerapatan dari lima pemerintah luak yang lain itu seperti Johol, Inas, Gemencheh, Terachi dan Gunung Pasir dalam pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Untuk melaksanakan syarat 'b' dalam persetiaan Pulau Jelebu di atas maka Pemerintah Luak Ulu Muar atau pun Undang Luak Ulu Muar juga biasa diringkaskan kepada Datuk Muar sahaja adalah diberi tugas untuk membuat persiapan bagi menghantar utusan atau rombongan ke Pagar Ruyung dan membawa balik seorang bakal.

Pada tahun 1770 itu Undang Luak Ulu Muar atau Datuk Muar yang memerintah ialah bernama Datuk Naam bergelar Bendahara Setia Maharaja. Dia itu adalah berketurunan di sebelah ibu dari keluarga Bendahara Johor menerusi pertaliannya dengan Megat Seri Rama, Laksamana Bentan yang terlibat dalam pembunuhan Sultan Mahmud II di Kota Tinggi itu, di sebelah bapa dari keluarga Datuk Makhudum Sumanik, seorang daripada Datuk Empat Balai Minangkabau dan di sebelah isteri pula dari Datuk Bendahara Sakti Sungai Terap, Ketua bagi Datuk Empat Balai Minangkabau.

Lagipun Datuk-datuk Lembaga yang terkanan dalam Luak Ulu Muar adalah juga dari suku-sakat Datuk Empat Balai Minangkabau. Oleh hal yang demikian Persetiaan Pulau Jelebu itu berpendapat bahawa Datuk Muar Naamlah yang berkelayakan dan boleh dipertanggungjawabkan bagi menjalankan tugas menjemput bakal Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan itu.

Anak raja atau bakal yang mula-mula dibawa pada tahun 1770 itu ialah Raja Khatib, dan setelah ditabalkan di Penajis maka baginda pun dibawa bersemayam di Seri Menanti dalam Luak Ulu Muar. Tempat persemayamam diraja yang berkeluasan 3 batu persegi itu adalah terkenal dalam perbilangan sebagai Tanah Mengandung. Jadinya terbitlah perbilangan adat dalam perlantikan yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan itu seperti:

“Tanah Kerjan di Penajis, Rembau

Tanah Mengandung di Seri Menanti, Ulu Muar”

Yang Dipertuan Besar Raja Khatib akhirnya kahwin dengan anak sulung Datuk Muar Naam yang bernama warna emas, dan atas pertalian ini maka Datuk Naam telah menjadi tokoh yang berpengaruh dan dihormati ramai. Tambahan pula diadatkan iaitu barang siapa menjadi Pemerintah Luak Ulu Muar atau Undang Ulu Muar maka dia adalah bertanggungjawab atas keselamatan dan kebajikan kerabat diraja, dan seterusnya dia adalah diibaratkan pemegang kunci Istana Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Dengan danya segala tugas memelihara kerabat diraja secara langsung yang bersemayam di atas kawasan yang disediakannya itu maka peranan Datuk Muar itu juga ialah penjaga adat istiadat, dan ini setentanglah dengan gelaran tambahan yang dipegangnya iaitu Setia Maharaja Lela Pahlawan.

Dengan keberangkatan Raja Khatib ke Negeri Sembilan pada tahun 1770 dan seterusnya baginda ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Muar maka lengkaplah perbilangan adat yang berkata:

“Alam Beraja
Luak Berpenghulu
Suku ber Lembaga
Anak buah Berbuapak
Orang Semenda Bertempat Semenda
Dagang Bertempatan”

Tetapi tiba-tiba pada tahun 1773 Raja Melewar yang dikatakan telah berada di Rembau semenjak tahun 1772 lagi itu mengaku pula bahawa dirinya itu adalah anak raja yang sepatutnya menjadi Yang Dipertuan Besar dan bukan Raja Khatib seperti yang ditabalkan itu.

Malangnya tuntutan Raja Melewar itu ditolak mentah-mentah oleh Undang Luak Ulu Muar yakni Datuk Naam kerana tuntutan tersebut adalah bertentang dengan Persetiaan Pulau Jelevu dahulu. Penolakan Datuk Naam membangkitkan kemarahan

Raja Melewar sehingga menjadi suatu pertikaian. Kemudiannya ia mencetuskan peperangan bagi kedua belah pihak. Raja Melewar telah menyerang Seri Menanti, tetapi serangan itu dapat ditumpaskan dan Raja Melewar lari balik ke Rembau.

Tidak berapa lama kemudiannya Raja Melewar sekali lagi menyerang dan begitu juga serangan itu ditentang dengan hebatnya. Datuk Naam, menurut cerita orang tua-tua, adalah sakti orangnya dan sukar hendak ditewaskan. Bagaimanapun Datuk Naam telah dapat ditawan dengan tipu helah, tetapi dia masih tidak mahu menerima Raja Melewar sebagai Yang Dipertuan Besar biar pun Yang Dipertuan Besar Raja Khatib telah menyelamatkan diri ke Pahang.

Sebagai hendak mengukuhkan kedudukannya, Raja Melewar pun menjatuhkan hukum pancung ke atas Datuk Naam kerana dia telah dianggap sebagai penderhaka. Setelah Datuk Naam mati dipancung maka kepalanya dimakamkan di Bukit Tempurung, sementara badannya pula dimakamkan di Bukit Tabah.

Kedua-dua anggota Datuk Naam dipisahkan ialah oleh kerana Raja Melewar takut kalau-kalau Datuk Naam itu dapat hidup semula dan menuntut bela sebagainya. Selepas itu Raja Melewar pun balik ke Rembau dengan membawa Cik Seni, anak bongsu Datuk Naam sebagai orang tawanan.

Diringkaskan cerita bahawa akhirnya Raja Melewar dijemput oleh Pembesar-pembesar Ulu Muar untuk berangkat bersemayam di atas Tanah Mengandung jua. Sebagai hendak melupakan kenangan pahit itu maka Cik Seni pun dikahwinkan dengan Raja Melewar. Cik Seni digelar Cik Puan Besar kemudiannya sebagai Permaisuri baginda.

Yang Dipertuan Besar Raja Melewar mangkat pada tahun 1795 setelah memerintah lebih kurang 25 tahun. Untuk mencari ganti almarhum itu bagi menepati syarat dalam persetiaan Pulau Jebeu dahulu maka sekali lagi rombongan bertolak dari

Ulu Muar ke Pagar Ruyung untuk mendapatkan seorang bakal. Pada kali ini rombongan tersebut membawa balik Raja Hitam.

Yang Dipertuan Besar Raja Hitam memerintah Negeri Sembilan 12 tahun iaitu dari tahun 1795 hingga 1808. Apabila Almarhum ini mangkat maka rombongan dari Ulu Muar yang pergi ke Pagar Ruyung itu membawa balik Raja Lenggang. Yang Dipertuan Besar Raja Lenggang memerintah Negeri Sembilan 16 tahun iaitu dari tahun 1808 hingga 1824.

Apabila Yang Dipertuan Besar Raja Lenggang mangkat pada tahun 1824 rombongan dari Ulu Muar tidak lagi pergi ke Pagar Ruyung itu untuk menjemput bakal kerana Kerabat Diraja Pagar Ruyung dan semua keluarga Datuk Empat Balai habis dibunuh pada tahun 1809.

Pembunuhan ini adalah dilakukan oleh pengikut-pengikut dari Gerakan Padri yang berfahaman Wahibi. Gerakan Padri ini mula bergerak pada tahun 1803, dan matlamatnya ialah untuk menghapuskan raja dan adat dalam negeri Minangkabau. Menurut sejarah Minangkabau peristiwa pembunuhan besar-besaran ini adalah terkenal dengan nama “Pertempuran Kota Tengah”.

Yang demikian Raja Lenggang ialah bakal yang terakhir dibawa dari Alam Minangkabau. Oleh kerana Minangkabau tidak dapat lagi memenuhi keperluan Negeri Sembilan maka satu daripada syarat yang terkandung dalam Persetiaan Pulau Jelebu dahulu gugur dengan sendirinya.

Atas kejadian ini Negeri Sembilan pula menghadapi suatu krisis atau pergolakan siasah dalam kuasa adat untuk memilih ganti Almarhum yang Dipertuan besar Raja Lenggang kerana ada empat calon yang ingin merebut takhta itu, dan tidak ada kebulatan dan kerapatan untuk melantik yang mana satu daripadanya.

Walau pun begitu seorang dari calon itu ialah Raja Radin, anakanda kepada Almarhum yang Dipertuan Besar Raja Lenggang, dan anak raja ini disokong kuat oleh Undang Luak Ulu Muar, Datuk Malik atau lebih dikenali dengan panggilan Datuk Kawal Muar Bongkok.

Sementara itu pula Undang Luak Sungai Ujung yang bernama Datuk kawal menyokong seorang yang lain. Iaitu Raja Laboh. Maka timbullah suatu pertikaian, adat yang mendalam antara Luak Ulu Muar dengan Luak Sungai Ujung.

Akibat bangkitnya pertikaian ini, kira-kira 10 tahun pentadbiran Negeri Sembilan terjejas, sungguhpun Raja Laboh dengan tidak rasminya berjaya menjadi Yang Dipertuan atas sokongan Datuk Kawal. Tetapi Datuk Muar Bongkok akhirnya berjaya menghalau Raja Laboh dari Seri Menanti dan melantik Raja Radin sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1834. Dengan kejadian ini Raja Radinlah anak raja tempatan yang pertama sekali menjadi Yang Dipertuan Besar.

Yang Dipertuan Besar, Raja Radin mangkat pada tahun 1861 dan adinda Almarhum itu, Raja Ulin atau terkenal juga dengan nama Raja Ujung, Raja Iman dan Raja Janggut kerana baginda itu warak, dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar yang baru. Yang Dipertuan Besar Raja Ulin mangkat pada tahun 1869, dan sekali lagi krisis atau pergolakan siasah dalam kuasa adat untuk memilih ganti berbangkit lagi.

Undang Luak Ulu Muar yang baru ialah Datuk Zainalabidin atau dikenali juga dengan panggilan Datuk Muar Sidin, dan dia ini dilantik menjadi Undang pada tahun 1839 bagi menggantikan Datuk Muar Bongkok. Datuk Muar Sidin menyokong Raja Antah, anakanda kepada Almarhum Yang Dipertuan Besar, Raja Radin menjadi Yang Dipertuan tetapi Undang Luak Sungai Ujung, Datuk Kawal tidak bersetuju atas pencalonan itu. Maka terbitlah dalam pertikaian dalam kuasa adat bagi pemilihan Yang Dipertuan Besar pada kali yang keduanya di antara Sungai Ujung dengan Ulu Muar.

Nampaknya, apa juga yang dicalonkan oleh Luak Ulu Muar tetap akan mendapat tenatangan dari Luak Sungai Ujung. Oleh kerana timbulnya pertikaian ini maka perkara pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar menjadi tergantung. Datuk Kawal wafat kemudiannya, dan dia digantikan oleh Syed Abdul Rahman, seorang yang berketurunan Arab.

Datuk Syed Abdul Rahman setelah menjadi Undang Luak Sungai Ujung membuat pendirian yang sama, tidak mahu menerima Raja Antah untuk menjadi Yang Dipertuan Besar bahkan dia mempunyai rancangan yang tertentu. Dia mahu Raja Ahmad Tunggal, anakanda kepada Almarhum Yang Dipertuan Besar Raja Ulin menjadi Yang Dipertuan. Dan sebagai pembalasan jasanya itu Raja Ahmad Tunggal akan melantik Syed Sulong, anak Datuk Syed Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau. Jawatan Yang Dipertuan Muda Rembau ini kosong semenjak tahun 1833.

Inilah pergolakan siasah atas kuasa adat bagi pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar dalam Negeri Sembilan yang didapati oleh penjajah British bila mereka mula-mula sampai ke Sungai Ujung pada tahun 1874.

Untuk mengetahui lebih mendalam lagi ketokohan Datuk Syed Abdul Rahman ini maka wajarlah dipastikan apa yang sebenarnya berlaku dalam Luaknya semenjak dia menjadi Undang pada tahun 1972. Dia ini memang bercita-cita tinggi, dan dalam pada itu dia sedar bahawa untuk menjayakanya dia memerlukan pertolongan dari luar.

Pada 21.4.1874 dia pun meletakkan Luaknya di bawah naungan British. British pula dengan tidak berlengah-lengah lagi membawa askar-askarnya ke Sungai Ujung dan seterusnya melantik Komando P. Murray RNR sebagai Residen British yang pertama bagi Sungai Ujung.

Datuk Syed Abdul Rahman tidak pula secucuk dengan Shahbandarnya, Datuk Tunggal, bersabit dengan pungutan cukai bijih. Perselisihan ini bertambah mendalam sehingga menimbulkan permusuhan yang amat ketat. Kedatangan askar-askar British itu

memberi semangat kepada Datuk Syed Abdul Rahman. Dengan tidak berlengaj-lengah lagi dia pun menggunakan kuasa British sepenuhnya untuk menghancurkan musuhnya, Datuk Tunggal.

British yang ingin berbudi dan berjasa itu sedia menerima apa sahaja arahan asalkan mereka dapat membenamkan kuku penjajahnya yang biasa seperti api di dalam sekam itu. Akhirnya dengan pertolongan British, Datuk Syed Abdul Rahman berjaya menggulingkan Datuk Tunggal. Kejayaan ini membuatnya berasa megah dan sombong. Lagi pun dia berasa selamat kerana tidak ada siapa yang berani mencabarnya sebab British berada di telunjuknya.

Tindakan Datuk Syed Abdul Rahman meletakkan Luaknya di bawah naungan British bersendirian itu dan kelazimannya menggulingkan Datuk Shahbandar Tunggal pula adalah dipandang sepi dan amat dicemburui oleh Yang Dipertuan Besar Raja Antah dan penghulu-penghulu Undang dari Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir.

Adalah dikhuatiri lambat laun besar kemungkinan Datuk Syed Abdul Rahman yang bersikap kejam itu membuat sesuatu yang melampau dan membahayakan Negeri Sembilan. Tetapi apakan daya kerana perlembagaan adat yang tersirat itu tidak mengizinkan seorang Penghulu Undang mencampuri hal pentadbiran dalam Luak yang lain kerana berdasarkan perbilangan adat.

“Pengkulu bernobat dalam Luaknya

Hak bergedonong

Berumpuk seorang Satu

Berharta masing-masing

Berlopak-lopak bak sawah

Beruang-ruang bak durian

Harta orang jangan ditarik

Harta sendiri jangan diagih”

Menepati sebagai yang diramalkan Datuk Syed Abdul Rahman yang sudah terkinyan di atas kejayaan yang sudah-sudah itu, kini berlagak lebih berani dan bongkak lagi untuk mencabar kedudukan dan kekuatan Yang Dipertuan Besar Raja Antah yang tidak diakuinya itu.

Lalu dia pun mengisytiharkan bahawa Luak Terachi yang bersempadan sebelah timur dengannya itu adalah hak kepunyaannya dan terus pula melantik seorang Penghulu Undang yang baru di situ.

Tindak tanduk dari Datuk Syed Abdul Rahman itu adalah menggemparkan bukan sahaja orang-orang Luak Terachi bahkan keseluruhannya, terutama sekali Yang Dipertuan Besar Raja Antah sendiri dan Penghulu-penghulu Undang Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi jua. Yang Dipertuan Besar raja Antah berasa tersinggung dan menganggap perbuatan itu suatu pencabulan hak asasi orang lain dan penderhakaan terhadap rajanya.

Maka baginda pun bertindak iaitu mengisytiharkan bahawa bukan sahaja Penghulu Undang Terachi yang dilantik baru itu tidak sah bahkan Datuk Syed Abdul Rahman sendiri tidak diakui oleh baginda sebagai Penghulu Luak Sungai Ujung lagi. Ini semua membuatkan suasana pergolakan siasah semakin rumit dan tegang.

British sebaliknya pula penuh percaya kepada pengisytiharan Datuk Syed Abdul Rahman yang Luak terachi itu benar-benar kepunyaan Luak Sungai Ujung dan menganggap pula pembuangan Penghulu Undang Terachi oleh Yang Dipertuan Besar Raja Antah itu sebagai haram.

Pada 27.11.1875 Residen British Murray yang dikawal oleh 50 tentera bersenjata lengkap telah pergi memeriksa dan mengintip perkembangan yang ada di Luak Terachi. Tetapi tidak ada sebarang pertempuran berlaku dalam lawatan itu.

Namun demikian inilah yang dikatakan retak menanti pecah. Yang Dipertuan Besar Raja Antah dan penghulu-penghulu Undang Ulu Luar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi menganggap perbuatan datuk Syed Abdul Rahman menghantar sepasukan tentera British ke Luak Terachi adalah suatu pencerobohan atau penyerangan dan wajar mendapat balasan.

Maka suasana pergolakan siasah menjadi lebih hebat kerana Sungai Ujung telah melanggar keutuhan dan keluhuran adat seperti yang tersimpul dalam gurindam seruan semangat adat di bawah ini:

Kok pergi anak merantau
Mandilah di bawah-bawah
Menyauk di hilir-hilir
Tapi kok dipauk orang bandar sawah
Dialihnya lantak sempadan
Dongakkan dada berjuang
Perlihatkan tanda anak lelaki
Jangan takut tanah jadi merah
Esa hilang, kedua terbilang
Sebelum ajal berpantang mati
Bila di dalam kebenaran
Biar di pancung leher putus
Setapak nan jangan namanya surut”

Orang-orang Melayu dari empat Luak iaitu Ulu Muar, Terachi, Jempol dan Gunung Pasir yang menjadi penyokong kepada pendirian yang Dipertuan Besar Raja Antah pun bangun bersatu untuk mendirikan suatu angkatan perang yang dipimpin oleh penghulu-penghulu Undangnya masing-masing, dan yang Dipertuan Besar Raja Antah sendiri menjadi Ketua Agungnya. Setelah semuanya siap sedia termasuk pembinaan kubu-kubu pertahanan di Bukit Putus iaitu tempat yang merupakan pintu masuk ke Luak Sungai Ujung maka angkatan Melayu itu pun mula bergerak.

Pada 2.12.1875 maka serangan pun mula dilancarkan secara mengejut ke Luak Sungai Ujung. Pada tengah malam itu juga angkatan Melayu telah berjaya menawan Pos Polis dari Paroi yang letaknya lebih kurang 7 batu dari Seremban dan terus bergerak menghala ke Ampangan di mana Datuk Syed Abdul Rahman dan Residen British Murray membuat kediaman.

Kejayaan yang dicapai oleh angkatan yang Dipertuan Besar Raja Antah itu amatlah memeranjatkan dan menakutkan British dan Datuk Syed Abdul Rahman. Pihak British menjadi kelam kabut dan terpaksa membawa bantuan dari Melaka untuk menahan serangan Melayu. Keadaan yang berlaku di Sungai Ujung pun dilaporkan kepada gabenor Sir William Jervais yang berada di Perak kerana pemberontakan di Perak itu menjadi lebih sengit. Setelah berunding dengan Major General Colberne, Ketua Tentera British yang juga berada di Perak untuk mengelolakan peperangan di sana maka satu pasukan tentera seramai 350 orang Gurkha sedang belayar dari India kerana hendak pergi ke Taiping pun diperintahkan pergi ke Sungai Ujung. Arshibald Anson, Lt. Gabenor Pulau Pinang yang juga terlibat dalam peperangan di Perak itu juga diperintahkan pergi ke Sungai Ujung untuk mengetuai angkatan British di Sungai Ujung.

Keadaan di Sungai Ujung amat mencemaskan British dan bertalu-talulah bantuan tentera datang membuat Residen British Murray. Pada 17.12.1875 itu angkatan British ada mengandungi lebih dari 500 orang askar terdiri daripada Gurkha, Arab dan lain-lainnya. Pertarungan sungguh hebat, dan angkatan Melayu cuba menawan Ampangan sedaya upayanya, tetapi bedilan-bedilan meriam British amat kuat. Adalah dilaporkan kemudian bahawa pihak British menerima 37 kemalangan iaitu mati dan cedera dan pihak Melayu pula menerima 35 kemalangan mati.

Pada 7.12.1875 British dapat menawan baik Pos Polis di Paroi, dan angkatan Melayu terpaksa berundur ke Bukit Putus itu diserang dari dua hala iaitu dari hadapan dan dari belakang untuk mengepung angkatan Melayu. Yang demikian Murray sendiri mengetuai barisan seramai 160 orang menyerang dari belakang iaitu pasukan ini terpaksa

sampai ke tempat itu melalui hutan Jelebu. Sementara Lt. Kolonel Clay mengetuai barisan seramai 280 orang menyerang dari hadapan.

Pada 22.12.1875 kedua-dua barisan British itu pun membuat serangan serentak ke pertahanan Melayu di Bukit Putus. Angkatan British yang cukup lengkap dengan meriam-meriam besar dan roket-roket itu telah dapat mengepung kubu-kubu itu, dan terbutlah suatu pertempuran yang sangat dahsyat di situ.

Melayu banyak menitiskan darah dan juga mengorbankan nyawanya di Bukit Putus demi mempertahankan kedaulatan negerinya supaya jangan dijajah. Kekuatan British dapat menembusi pertahanan Melayu sungguhpun telah ditentang dengan hebatnya, pemimpin-pemimpin angkatan melayu pun berfikir adakah wajar berperang berhabis-habisan. Maka timbullah pantun bersejarah seperti:

“Langit berkelikir,
bumi bersembarang
hendaklah berfikir
negeri dah dikelilingi orang”

Oleh kerana khuatir kepada padahnya seperti kata perumpamaan, kalah jadi abu, menang jadi arang, maka angkatan Melayu pun berpecah, dan pihak British pun terus bergerak dan menguasai luak-luak yang menentang mereka itu.

Yang menjadi aneh sekali dalam kejadian perang ini ialah angkatan Melayu yang berketuakan Yang Dipertuan Besar Raja Antah telah dikalahkan oleh angkatan luar, dan bukan angkatan dari anak-anak buah Datuk Syed Abdul Rahman sendiri sungguhpun pokok pertikaian atau pergolakan siasah itu berasal dari penentuan kuasa adat lembaga. Kalaupun tidak dengan sumbangan tenaga British sudah tentu kedudukan Luak Sungai Ujung dan Undangnya tidak semacam sekarang ini kerana nyaris-nyaris lagi dia dikalahkan.

Namun begitu British setelah berkuasa tetap bertindak membalas dendamnya terhadap pihak-pihak yang menentanginya dalam peperangan tahun 1875 itu, terutamanya terhadap yang Dipertuan Besar Raja Antah dan penghulu-penghulu Undang Ulu Muar (Datuk Muar Zainalabidin) Jempol (Datuk Johan) Gunung Pasir (Datuk Labu) dan Terachi (Datuk Jaal).

Pada 23.11.1876 suatu perjanjian perdamaian dimaterikan di antara Kerajaan British dengan Yang Dipertuan Besar Raja Antah yang menyerah diri kepada Gabenor baru British, Sir Fredrick A. Wald di Singapura itu. Yang terlibat dalam menandatangani perjanjian ini ialah selain daripada baginda adalah penghulu-penghulu Undang dari Johol, Ulu Muar, Jempol, Inas, Terachi dan Gunung Pasir. Menurut peraturan ini Luak Gemencheh adalah dicantumkan ke dalam Luak Johol.

Perjanjian tersebut di atas tidak diiktiraf Raja Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bahkan Yang Dipertuan bagi wilayah luak-luak yang terlibat dalam perjanjian itu sahaja. Luak Rembau yang telah lama bersahabat dengan British itu dan Luak Sungai Ujung adalah diakui dan disahkan oleh British satu-satunya sebagai wilayah pentadbiran yang berasingan. Luak Jelebu pula yang dahulunya duduk berseorangan dan tidak terlibat dalam pertikaian siasah kuasa adat itu dengan bersendirian meletakkan dirinya di bawah naungan British pada 26.4.1877, dan ia juga diakui oleh British sebagai wilayah pentadbiran yang berasingan. Begitulah keadaannya pada masa wilayah mula-mula berkuasa di Negeri Sembilan.

British memang tidak dapat melupakan peristiwa Pos Polis Paroi dan Bukit Putus, dan mereka akan terus menekan dan menindas empat penghulu Undang yang memberi tentangan dalam peperangan tahun 1875 dahulu, terutamanya Penghulu Undang Luak Ulu Muar yang menjadi musuh ketatnya kerana dialah seorang Penghulu Pelantik dan Penyokong Raja Antah yang kuat sekali. Sementelah peranan Undang tersebut sebagai Penjaga Keselamatan Kerabat Di Raja secara langsung dalam perlembagaan adat di Tanah Mengandung amatlah dicemburui oleh British..

Ada dua Triti yang dimaterikan kemudiannya seperti Triti bertarikh 4.6.1887 dan Triti bertarikh 13.7.1889 di antara Kerajaan British dengan sebilangan pemerintahan Luak di Negeri Sembilan membuktikan lagi kezaliman British kerana 4 Penghulu Undang yang menentang mereka dalam Perang Bukit Putus dahulu telah tidak dibawa bersama menandatangani Triti-triti tersebut sungguhpun luak-luak mereka sendiri terlibat dalam gerakan penyusunan semula pentadbiran Negeri Sembilan itu.

Yang penting sekali ialah Triti bertarikh 8.8.1895 di mana semua Luak termasuk Luak Jelevu digabungkan semula dengan memakai nama asal iaitu Negeri Sembilan. Untuk makluman, Luak Jelevu telah menghapuskan jawatan Yang Dipertuan Jelevunya pada tahun 1884 kemangkatan Yang Dipertuan Tunku Abdullah pada 13.12.1884 dan seterusnya ia sanggup menyertai pergabungan Negeri Sembilan.

Bagi Triti pergabungan bertarikh 8.8.1895 ini, sekali lagi British menunjukkan kezalimannya kerana 4 Penghulu Undang yang menentang mereka dalam perang Bukit Putus dahulu juga ditinggalkan dari menandatangani Triti tersebut walaupun luak-luak mereka terlibat secara langsung. Perbuatan British ini memanglah disengajakannya dan malangnya juga ia memberi kesan dan akibat yang mendalam iaitu berpadah oleh sebab 4 Penghulu Undang tersebut telah kehilangan taraf dan kuasa asasinya dalam pemilihan dan perlantikan hak Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Anehnya hingga ketika ini keciciran hak asasi ini masih berlanjutan.

Yang paling menyedihkan dalam sejarah adat lembaga Negeri Sembilan ialah atas permaterian suatu Persetiaan baru pada 29.4.1898 yang dibuat atas nasihat dan rancangan British di bawah pimpinan Martin Lister, Residen British yang pertama bagi Negeri Sembilan. Persetiaan ini telah dilakukan oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad dengan 4 pemerintah luak yang tertentu iaitu Datuk Makmur Luak Sungai Ujung, Datuk Siron Luak Rembau, Datuk Kamat Luak Johol dan Datuk Abdullah Luak Jelevu. Kononnya Persetiaan ini hendak mengekalkan adat lembaga dahulu kala. Seterusnya 4 Penghulu Undang yang terlibat dalam Persetiaan ini mengisytiharkan bahawa merekalah

pula Undang Yang Empat baru yang berkuasa pebuh dalam pemilihan dan perlantikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Perbuatan British bagi mengarah penciptaan adat lembaga yang bercanggah dengan kebenaran amatlah dikesalkan kerana ia menjejaskan hak asasi pihak-pihak yang tertentu. Seperti yang telah dihuraikan lebih awal dalam bahagian dua rencana ini bahawa Penghulu Undang Luak Ulu Muar adalah seorang daripada Undang Yang Empat tulen yakni asal, dan dua berdiri sebagai salah seorang Penghulu Pelantik bagi yang Dipertuan Besar. Tetapi dengan pemasyhuran Persetiaan pada 29.4.1898 itu di mana Penghulu Undang Jelebu telah mengambil tempat orang lain maka sekarang Penghulu Undang Luak Ulu Muar sudah kehilangan hak asasinya, dan seterusnya dia telah diketepikan dalam susunan rasmi pentadbiran sehingga dia mengalami kehilangan taraf kedudukan dan tempat dalam Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan sekarang ini, dan menepatilah kejelasan ini seperti perbilangan adat:

“Kalau menumbuk tidak berlesung lagi
kalau bertanak tidak di periuk lagi”

Begitulah padah yang dialami oleh seorang Pemerintah yang menentang British, tetapi yang mana berdampingan rapat dengan mereka maka akan tetap mendapat layanan lumayan dalam berbagai segi sama ada dalam bidang taraf kedudukan atau pun sara pendapatan pencen negeri.

Kesimpulannya ialah British itu bukan sahaja tidak ragu-ragu menggunakan kekuatan tenteranya untuk mencapai satu-satu tujuan bahkan mereka bijak memainkan diplomasinya untuk memutarbelitkan sesuatu peraturan yang benar bagi menghancurkan kedudukan pihak-pihak musuhnya sebagai membalas dendam. Yang menjadi perkakas bagi menjayakan semua rancangannya ialah juga orang Melayu sendiri yang tidak sedar tertipu dengan lemak manis pujuk rayu British oleh kerana mengharapkan sesuatu pembalasan atau pun hendak mengukuhkan kedudukan sendiri.

British yang berpengalaman menjajah itu sanggup dan sedia membuat apa sahaja asalkan mereka dapat membenamkan dan memperkukuhkan cengkaman kuku penjajahnya. Akhirnya mereka berjaya menomahkan bahawa segala pejuang bangsa yang menentang pemerintahannya itu adalah pemberontak dan penderhaka, dan menurut mata dacing mereka, pejuang berkenaan patut dihukum seacra halus atau sebaliknya.

British telah mencekam pentadbiran Negeri Sembilan lebih kurang 80 tahun, dan dalam jangka masa yang panjang ini mereka telah berjaya mengubah tata atur adat lembaga menurut sekehendak dasar yang disusun untuk memberi faedah yang berkesan kepada semua kepentingannya. Oleh itu mereka banyak meninggalkan warisan-warisan atau peninggalan yang tidak sejajar dengan keperibadian adat lembaga Negeri Sembilan. Warisan-warisan berkenaan masih ada terselit dalam pentadbiran adat lembaga sekarang. Maka ini semua wajar dikikis supaya adat lembaga itu setimpal balik dengan kebenaran dan keadilan, dan tidaklah memadai bagi pihak yang berkuasa pada hari ini setakat mendirikan tugu-tugu di sana-sini bagi memperingati perjuangan bangsa yang gugur atas penangan buruk British.

Seperkara lagi yang patut difikirkan oleh pihak yang berkuasa ialah adakah wajar tugu-tugu yang telah dibina oleh British itu bagi memperingati dan menonjolkan kepahlawanan berjuang untuk membinasakan orang Melayu seperti yang terdapat di Seremban dan di Pasir Salak itu dipelihara dengan biaya Kerajaan Malaysia yang sudah merdeka. Warisan penjajah yang serupa inilah sewajibnya tidak lagi mendapat sanjungan pihak yang berkuasa pada hari ini, dan kalau diteruskan pemeliharanya maka ini akan bercanggah dengan usul hendak membangunkan tugu-tugu peringatan bagi perjuangan bangsa yang gugur tatkala memberontak dan menentang penjajahan British dahulu.